

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' ABDUL KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 21 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai lengkap indikator
sasaran lain dalam RMK-11 yang Malaysia perlu penuhi untuk
mencapai status negara maju, berpendapatan tinggi menjelang 2020
memandangkan Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) terlalu fokus
dengan kriteria berdasarkan keluaran dan pendapatan.

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMKe-11) merupakan Pelan terakhir ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju dan inklusif pada tahun 2020. Selaras dengan keutamaan kepada ekonomi berteraskan rakyat, Kerajaan akan beralih kepada matlamat pelbagai dimensi yang akan mengimbangi pertumbuhan ekonomi, pengagihan kekayaan dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, RMKe-11 akan menetapkan enam matlamat pelbagai dimensi yang merangkumi sasaran ekonomi makro serta sosioekonomi seperti pengagihan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.

Enam sasaran pelbagai dimensi tersebut meliputi:

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)
2. Peningkatan produktiviti buruh
3. Peningkatan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita
4. Peningkatan pendapatan bulanan purata isi rumah
5. Peningkatan bahagian pampasan pekerja kepada KDNK, dan
6. Peningkatan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya selaras dengan tumpuan kepada ekonomi berteraskan rakyat.

Sekian, terima kasih.